

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI  
WAN ISMAIL [PERMATANG PAUH]**

**TARIKH : 18 MEI 2016 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan laporan semasa mengenai usahasama antara Malaysia dan Brunei dalam medan minyak Blok L dan Blok M sejak ia diserahkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Brunei pada 16 Mac 2009 dan berapakah hasil yang diperolehi oleh Malaysia berikutan usahasama tersebut.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perjanjian Perkongsian Pengeluaran ataupun *Production Sharing Agreements* ("PSA") telah dimeterai oleh PETRONAS dan Petroleum Brunei pada tahun 2010 berkenaan dengan Blok CA1 dan CA2 (yang sebelum ini dikenali sebagai Blok L dan M).

Setakat ini, usahasama antara Malaysia dan Brunei di dalam Blok CA1 dan Blok CA2 masih di dalam fasa penerokaan di mana enam (6) telaga telah digerudi di Blok CA2, dengan PETRONAS Carigali Brunei Ltd (PCBL) sebagai operator. Manakala tiga (3) telaga telah digerudi di dalam Blok CA1 bersama rakan niaga TOTAL sebagai operator.

Pasa masa ini, usahasama tersebut masih belum memperoleh sebarang hasil kerana PETRONAS dan rakan-rakan niaganya masih menjalankan kajiselidik berdasarkan data yang diperoleh bagi tujuan mengkomersialkan penemuan yang dibuat di Blok CA2.

Sekian, terima kasih.